

14 FEB 1999

Sabah-Pemuda

PEMUDA BN SABAH BERSEPAKAT GEMPUR PARTI PEMBANGKANG

KOTA KINABALU, 14 Feb (Bernama) -- Ketua-ketua Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) Sabah berikrar untuk bersatu tenaga dalam merangka strategi bagi mengempur kesemua kawasan Dewan Undangan Negeri di negeri ini dalam usaha menjamin kemenangan calon BN pada pilihan raya negeri kelak.

Setiausaha Pemuda BN Malaysia Zulkifli Alwi berkata, dalam pertemuan membabitkan kesemua pemimpin pemuda parti komponen BN di Tenom, semalam, mereka bersepakat untuk menyusun strategi yang paling berkesan dan sesuai bagi menghadapi situasi pilihan raya kali ini.

"Kita telah bersetuju untuk menyokong dan bekerja bersungguh-sungguh membantu semua calon BN tanpa mengira dari parti mana yang terpilih," katanya ketika ditemui selepas menganjurkan majlis muhibah yang dihadiri para pemimpin pemuda BN dari kawasan Parlimen Gaya, Tanjung Aru dan Penampang di sini, hari ini.

Zulkifli berkata Pemuda BN Sabah juga telah menubuhkan sebuah sekretariat di Putatan Square dekat sini sebagai pusat jentera Pemuda sepanjang pilihan raya negeri ini.

Beliau berkata pihaknya juga akan menganjurkan program muhibah di setiap kawasan pilihan raya bagi membuktikan kepada rakyat Sabah bahawa kesemua parti komponen BN bersatu padu dan bukan seperti dakwaan pembangkang kononnya pemimpin BN berpecah belah.

Seramai 1,000 daripada barisan pimpinan Pemuda BN Sabah dijangka menyambut kunjungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negeri ini pada 18 Feb ini, katanya.

Pada majlis itu, kesemua pemimpin pemuda komponen BN Sabah menyatakan ikrar terhadap empat asas pegangan bagi menghadapi pilihan raya iaitu:-

- * Mempertahankan kedaulatan Malaysia daripada ancaman musuh di dalam dan luar negara.

- * Mempertahankan kesucian agama daripada diperalatkan untuk kepentingan politik sempit serta mempertahankan kebebasan beragama dalam masyarakat majmuk.

- * Mengamalkan budaya hidup yang sesuai dengan nilai demokrasi dan ketimuran.

- * Berjuang memastikan kemenangan BN dalam pilihan raya Sabah.

-- BERNAMA

RAR PR